

06/07/1998

Ribuan tonton Pesta Flora

KUALA LUMPUR, Ahad - Ribuan pengunjung, termasuk pelancong asing membanjiri Dataran Merdeka hari ini bagi menyaksikan perarakan kereta berhias sempena Pesta Flora '98 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kebanyakan pengunjung tiba sejak awal pagi dan berbaris sepanjang jalan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad untuk menyaksikan perarakan 10 kereta berhias dan 18 kumpulan pancaragam yang mengambil bahagian dalam perarakan tahunan itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, turut hadir.

Perarakan itu menonjolkan kereta berhias yang dihiasi berjuta-juta tangkai bunga segar dan kering.

Selain itu, pelbagai jenis flora tempatan, termasuk dedaun, bijirin, buah-buahan dan pelbagai jenis hasil tanaman turut digunakan untuk menghiasi kereta berhias berkenaan.

Persembahan imaginasi yang menggabungkan kreativiti dan keindahan alam semula jadi itu, bertemakan 'Sukan dan Aktiviti Santai'.

Perarakan Flora yang merupakan acara kemuncak Pesta Flora tahun ini, juga menampilkan sukan rekreasi popular seperti bola sepak, gasing dan congkak.

Malah, penyertaan tahun ini yang menyaksikan penambahan, turut menampilkan kehadiran beberapa kerajaan negeri selain badan korporat besar.

Pesta Flora yang membentuk pemangkin industri florikultur dan menjadi tarikan utama pelancongan ke negara ini, diadakan sehingga 12 Julai ini.

Sepanjang tempoh itu, orang ramai berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti yang antara lain membabitkan pameran fotografi, jualan buah-buahan tempatan, pameran herba ubat-ubatan tradisional, teater drama tari kanak-kanak dan flora jazz festival.

Di akhir majlis Perarakan Flora itu, Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang dengan kereta berhias Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Pahang memenangi Anugerah Perdana, iaitu penghargaan tertinggi pesta bunga-bunga di negara ini.

Kereta berhias itu menampilkan konsep yang bertemakan 'Kesinambungan Warisan Gemilang' yang mempamerkan aktiviti masa lapang popular di negeri itu.

Keseluruhan konsep itu menceritakan mengenai pentingnya mengekalkan kesenian dan tradisi walaupun negara kini mengalami perubahan drasik ke arah era pembangunan berteknologi tinggi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula memenangi Anugerah Tema; Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Anugerah Kreatif); Penerbangan Malaysia (Anugerah Khas Perarakan) dan Majlis Perbandaran Shah Alam (Anugerah Khas Juri).

Selain itu, cenderamata khas juga diberikan kepada Persatuan Pelancong Kuala Lumpur, KFC Holdings (M) Bhd, Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Negeri Sembilan.

(END)